

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

JUL-NOV 2006

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh :

NURAFFRIDA BINTI MOHAMAD TAJ

2002640833

bertajuk

LAPORAN

**CADANGAN REKABENTUK DALAMAN
'A TOUCH' PUSAT AROMA TERAPI & REFLEKSOLOGI LELAKI'
DI NO 12 JALAN TITIWANGSA ,
PERSIARAN TITIWANGSA, KUALA LUMPUR**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : Encik Othman Mohd Nor _____

Koordinator : Cik Mawar Binti Masri _____

Koordinator Program : Prof. Madya. Rusni Abdul Ghani @ Abdul Rani _____

PENGHARGAAN

Assalammualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat llahi, dengan keizinan dan rahmat-Nya dapat saya melengkapkan salah satu tugas akhir yang merupakan salah satu syarat untuk memperolehi Diploma Senibina Dalaman. Pelbagai cabaran dan rintangan yang terpaksa ditempuhi, namun dengan berbekal semangat yang ada dan doa restu kedua ibu bapa juga keluarga yang tidak putus-putus, segala kesukaran dapat diatasi.

Di kesempatan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa dan keluarga yang banyak memberi dorongan, perhatian dan sentiasa menyokong dan senantiasa menjadi tulang belakang saya dalam segala aspek. Segala pengorbanan mereka tidak dapat saya membalaunya.

Berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Rekebentuk Dalaman yang sentiasa memberi bimbingan, menegur serta memberi pandangan yang membina kepada saya dalam menyiapkan laporan ini. Terutamanya kepada Encik Othman Mohd Nor selaku penyelia laporan saya ini dan juga tidak lupa kepada Encik Nordin selaku ko-ordinator IND 381, Encik Azizul Azli Ahmad, Puan Ramlah Alwi, Puan Siti Norsazlina Harun dan Puan Ruzana Abd Kadir pensyarah IND 381 yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar serta nasihat yang berguna. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan semua pensyarah Jabatan Senibina Dalaman yang tidak pernah jemu melayan kerena kami.

Juga jutaan penghargaan kepada pihak-pihak tertentu dan orang perseorangan yang terlibat secara langsung atau tidak semasa dalam proses menyiapkan laporan projek akhir ini. Kepada rakan-rakan sepejuangan juga diucapkan ribuan terima kasih diatas kerjasama yang diberikan.

ABSTRAK

Dalam menghasilkan sesuatu rekabentuk, penggunaan pancaindera memainkan peranan penting dalam menganalisa berdasarkan apa yang dilihat, didengar, disentuh dan dirasa. Kombinasi ini akan manghasilkan idea rekabentuk yang berjaya. Pelbagai aspek perlu diambil kira bagi ia juga haruslah dilihat dari pelbagai aspek sama ada luaran maupun dalaman.

Penggunaan elemen-elemen yang sesuai amat penting dalam penghasilan sesuatu rekabentuk bagi mendapatkan kesinambungan antara konsep projek yang ingin ditonjolkan. Dengan cara ini penghasilan sesuatu rekabentuk dapat memenuhi keperluan pengguna. Justeru satu perancangan yang teliti telah dibuat sebelum rekabentuk cadangan yang baru. Secara keseluruhannya, rekabentuk baru yang dibuat haruslah menepati ciri-ciri dan kehendak penggunanya serta bersesuaian dengan konsep yang ingin diterapkan.

A Touch Men's Aromatherapy and Reflexology Centre ini ditubuhkan sebagai salah satu penyumbang kepada masyarakat dalam penjagaan dan perawatan kesihatan diri untuk golongan lelaki sewajar dengan era masa kini iaitu era lelaki metroseksual. Oleh itu, rekebentuknya haruslah menyentuh kepada aspek praktikaliti dan juga nilai estetik. Dengan adanya spa ini dapat membantu masyarakat untuk mengunjungi spa sebagai satu gaya hidup yang sihat. Selain itu, dapat mempromosikan produk jenis rempah dan jamu iaitu keluaran Mustika Ratu.

PENGHARGAAN	i - ii
ABSTRAK	iii
ISI KANDUNGAN	iv - vii
SENARAI RAJAH	viii - x
SENARAI LAMPIRAN	x
ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 1.0 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan Kajian	
1.1.1 Matlamat	2
1.1.2 Objektif	2
1.1.3 Metadologi	3 – 6
1.1.4 Kepentingan Kajian	7 – 9
1.2 Klien	
1.2.1 Sejarah Klien	10
1.2.2 Alamat	10 - 11
1.2.3 Logo	12
1.2.4 Perkhidmatan	12
BAB 2.0 PROJEK	
2.1 Pengenalan Projek	13 - 14
2.1.1 Kehendak Klien	14 – 17
2.1.2 Skop Kerja	17 - 18
2.2 Kajian Kes	

Bab 1.0

PENGENALAN

Pengenalan Aroma Terapi & Refleksiologi.

Aroma terapi ialah rawatan yang menggunakan bau-bauan. Tetapi bukan sekadar pemakaian pelbagai wangian, tetapi ia merupakan cara untuk mengubati segala jenis penyakit yang termasuklah penyakit yang serius. Ia merupakan pemakaian minyak esensial tumbuhan dengan cara disapu atau dihidu. Dengan bauan juga kita dapat menenangkan fikiran dan merehatkan minda.

Refleksiologi merupakan rawatan urut tapak kaki, tangan dan badan dimana urutan ini menekan di bahagian titik akupuntur. Urutan ini memberi kesegaran kepada badan dan melancarkan perjalanan angin dan darah di dalam badan.

Sejarah

Refleksiologi diperkenalkan kepada dunia barat sejak 1913 oleh Dr. W. H. Fitzgerald MD. Pengasas kepada refleksiologi moden ialah Eunice Ingham. Sebelum itu, sejak beberapa tahun dahulu, orang cina (di Negara China) telah mempraktikkan rawatan itu sebahagian daripada perubatan tradisional Cina, termasuklah akupuntur dan ubatan-ubatan herba yang lain. Orang India dan Egypt pada masa dahulu juga telah mempraktikkan refleksiologi ini kerana mereka percaya kepada satu konsep, yakni sebarang kekejangan pada mana-mana bahagian badan sebenarnya mencerminkan "kesesakan" atau "tekanan" yang berlaku pada bahagian badan yang disambung oleh saraf yang sama dengan bahagian tertentu dikakinya.